

24 APR 2003

MAHATHIR-PAKEJ/I

DR MAHATHIR AKAN UMUM PAKEJ RANGSANGAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga menteri kewangan, akan mengumumkan butiran pakej yang bertujuan untuk merangsang ekonomi yang terjejas akibat kesan pencerobohan ke atas Iraq dan kemunculan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Beliau juga akan mengeluarkan unjuran keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara yang disemak semula, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada pemberita selepas melancarkan Akademi Taman Teknologi Malaysia (TPM), di sini hari ini.

Dr Mahathir yang sedang bercuti dua bulan, akan kembali bertugas pada Mei.

KDNK negara diunjurkan tumbuh 4.5 peratus tahun ini. Bagaimanapun, kumpulan pemikir persendirian tempatan, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), telah menyemak semula unjurannya mengenai pertumbuhan KDNK negara kepada 3.7 peratus daripada 5.7 peratus sebelum ini.

Penganalisis berkata pakej yang akan diumumkan mungkin melibatkan perbelanjaan antara RM3 bilion dan RM5 bilion.

"Kita telah merumuskan beberapa perkara dalam pakej stimulus dan ada maklumat tambahan baru yang hendak dimasukkan," kata Abdullah.

Beliau berkata pihaknya telah mengadakan dialog dengan pihak swasta. Menteri Perdagangan Antarabangsa Datuk Seri Rafidah Aziz juga mengadakan dialog dengan para pengilang.

Beliau berkata hasil yang didapati penting untuk dikaji bagi melihat samada pandangan yang diutarakan boleh dijadikan sebagai ramuan untuk ditentukan secara terperinci dalam pakej rangsangan itu.

Ditanya samada terdapat projek yang akan ditangguhkan dalam pakej tersebut, beliau berkata: "Kemungkinan. Kita kena tengok dulu." -- BERNAMA

WNZ MR/SHO JR